

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 JUN 2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

:-

- (a) setakat ini berapa jumlah wang cagaran telah dikutip oleh TNB; dan
- (b) akaun manakah wang cagaran ini dimasukkan dan setakat ini berapa wang bunga telah diterima dan apakah syarat-syarat ke atas kegunaan wang cagaran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 yang telah diluluskan oleh Kerajaan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dibenarkan untuk mengutip cagaran / deposit sebanyak 2 bulan penggunaan elektrik pengguna. Jumlah ini dikira berdasarkan purata 6 bulan penggunaan elektrik oleh pengguna. Menurut laporan tahunan TNB bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 2013, nilai deposit yang dipungut daripada pengguna TNB adalah berjumlah hampir RM3.3 bilion.

2. Pihak TNB telah memasukkan wang deposit yang dibayar oleh pengguna tersebut ke dalam akaun induk TNB. Wang cagaran yang diterima diuruskan sebagaimana semua aliran wang tunai TNB yang lain. Pihak TNB juga telah memberikan rebat berdasarkan jumlah faedah ke atas wang deposit yang dibayar oleh pengguna. Kuantum rebat yang ditetapkan adalah sebanyak 2.5% setahun. Rebate ini akan dikreditkan ke dalam akaun pengguna pada bulan Januari setiap tahun serta ia akan

dikira secara purata dari tarikh mula bekalan elektrik disalurkan kepada pengguna. Rebat ini juga hanya terpakai untuk deposit dalam bentuk tunai sahaja dan tidak termasuk dalam bentuk jaminan bank. Pada tahun kewangan 2013, pihak TNB telah memperuntukan sebanyak RM74.065 juta untuk membayar rebat tersebut.
